# KUALITI

## Edisi Januari - Jun 2025

### Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

*MeQKU 2025*

### Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam PTj bersama Ketua Sistem Audit (KSA)*

### Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*






eISSN 2976-2596




Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Pada 5 Mei 2025 yang lalu, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan satu sesi perkongsian oleh Juara Keseluruhan AKNC 2024 iaitu daripada Fakulti Perakaunan.

Sesi perkongsian ini tela disampaikan sendiri oleh Ketua Unit Kualiti Fakulti Perakaunan iaitu Puan Normairan Yatim. Sesi perkongsian yang diadakan secara dalam talian menggunakan platfom Microsoft Teams ini telah dihadiri oleh seramai 105 peserta daripada seluruh UiTM.

Fakulti Perakaunan, UiTM sekali lagi membuktikan kecemerlangannya apabila dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2024, menjadikan kemenangan ini kali ketiga selepas tahun 2002 dan 2018. Bertemakan “Kepelbagaian Penyelidikan untuk Pengukuhan Jaringan Bersama”, Fakulti Perakaunan juga berjaya menggondol 3 anugerah lain iaitu Anugerah Bidang Tumpuan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan, Kriteria Tumpuan Kepada Operasi dan Juara kategori Fakulti.

Kejayaan ini bukanlah datang secara kebetulan. Resepi kejayaan Fakulti Perakaunan adalah hasil daripada 6 amalan terbaik yang dirancang rapi, digerakkan bersama dan disokong oleh data serta keberkesanan strategi:

## 1 Pemilihan Bidang Tumpuan yang Jelas dan Relevan

Tiga komponen utama iaitu Perancangan Strategik, Pelanggan dan Sumber Manusia diperkukuh dengan data yang dibentangkan secara rasmi dalam mesyuarat-mesyuarat utama fakulti (MKSP, MPE, JPF).

## 2 Pembangunan Rangka Kerja AKNC yang Komprehensif

Rangka kerja disusun untuk setiap kriteria proses dan hasil, dengan pemetaan jelas antara proses dan pencapaian, serta mengelakkan pertindihan dokumentasi.

## 3 Komposisi Pasukan Penulis yang Seimbang

Pasukan terdiri daripada penulis berpengalaman dan baharu, termasuk bekas pentadbir akademik. Setiap kumpulan (6 proses, 3 hasil) diketuai oleh seorang ketua dan disokong dua penulis, diselia oleh penyelaras AKNC.

## 4 Kumpulan Sokongan Data yang Kukuh

Pejabat RICAEN memainkan peranan penting dalam memastikan kesahihan data, maklumat operasi dan bukti prestasi.

## 5 Perancangan Strategik yang Menyeluruh

Pelan strategik fakulti sejajar dengan UiTM *i-SCORE* dan objektif kualiti. Tumpuan diberikan kepada 3Q: *Quality Lecturers, Quality Students, Quality Programmes*. Kerangka ADLI digunakan secara konsisten.

## 6 Pengurusan Risiko Bersepadu

Intervensi risiko dimasukkan dalam semakan strategik dan operasi secara berkala, selaras dengan pendekatan penambahbaikan berterusan.

Walaupun berjaya, Fakulti Perakaunan tidak terlepas daripada cabaran terutama dari segi pengurusan masa berikutan tarikh akhir dokumentasi AKNC yang bertembung dengan semester pengajaran. Namun, perancangan awal dan pelaksanaan fasa demi fasa telah memastikan kelancaran proses:

- **Fasa 1:** Pemilihan dan pemetaan bidang tumpuan (Februari–April 2024)
- **Fasa 2:** Taklimat dan penyusunan pasukan penulis (April–Mei 2024)
- **Fasa 3:** Bengkel penulisan dan pembentangan kepada MPE (Julai–Ogos 2024)
- **Fasa 4:** Penghantaran laporan akhir ke sistem i-AKNC (Ogos 2024)

Pengajaran utama yang dikongsikan oleh Ketua Unit Kualiti, Fakulti Perakaunan merangkap Penceramah Jemputan iaitu Puan Normahiran Yatim, adalah:

"Mulakan awal, jelas tugasan, elakkan beban dokumentasi dan raikan kolaborasi serta maklum balas."

### Rekod Kecemerlangan Fakulti Perakaunan (2018–2024)

| Tahun | Skop Pelaporan | Pengiktirafan |
|---|---|---|
| 2024 | Penyelidikan, Penerbitan & Pengkomersilan | Juara Keseluruhan, Juara Kategori Fakulti, Juara Bidang Tumpuan |
| 2023 | Jaringan Industri & Keusahawanan | - |
| 2022 | Pengurusan & Pembangunan Staf | Tempat Ketiga |
| 2020/21 | Pengajaran & Pembelajaran | Tempat Ketiga |
| 2019 | Jaringan Industri & Keusahawanan | Juara Keseluruhan |
| 2018 | Pengurusan & Pembangunan Pelajar | Juara Keseluruhan |

Kejayaan Fakulti Perakaunan dalam AKNC 2024 adalah cerminan budaya kualiti yang telah lama dibudayakan. Ia membuktikan bahawa apabila perancangan strategik disokong oleh kepimpinan yang berwawasan, data yang sahih, pasukan yang komited dan kerjasama menyeluruh, kecemerlangan pasti dapat dicapai.

Dengan slogan *"#QualityIsUs, #TogetherWeExcel"*,

Fakulti Perakaunan terus melangkah sebagai fakulti yang *"globally renowned, locally rooted"* – memberi inspirasi kepada semua PTj dalam UiTM dan institusi lain di seluruh negara.

# KUALITI

Edisi Januari - Jun 2025




**HAK CIPTA DAN PENAFIAN**

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor

UiTM di hatiku

اوسها تقوى موليا

https://inqka.uitm.edu.my @inqka @inqkauitm @InQKAUiTM InQKA UiTM @inqkauitm6101 @inqka_uitm



eISSN 2976-2596
9772976259003